



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

FORUM MEJA BULAT MENGENAI KESELAMATAN UBAT-UBATAN DAN VAKSIN: MEMPERKASAKAN EKOSISTEM VAKSIN TEMPATAN DAN SERANTAU

CYBERJAYA, 23 Ogos 2024 – Satu Forum Meja Bulat Mengenai Keselamatan Ubat-Ubatan dan Vaksin telah diadakan pada 21 Ogos 2024 dan dipengerusikan oleh YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi bertempat di Auditorium, Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), Cyberjaya, Selangor.

Forum ini merupakan sebahagian daripada program bersempena dengan Persidangan Penyelidikan dan Pembangunan Farmasi Kebangsaan Ke-12 yang dianjurkan bersama Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Forum ini bertujuan untuk mempertingkatkan kerjasama dan perkongsian maklumat bagi pembangunan ekosistem vaksin di peringkat tempatan dan serantau. Dua (2) orang panel pakar antarabangsa turut dijemput iaitu YBrs. Dr. Nakorn Premsri, Pengarah National Vaccine Institute (NVI), Thailand dan YBrs. Encik Roy Himawan, Pengarah Ketahanan Farmaseutikal dan Alat Kesihatan, Kementerian Kesihatan Republik Indonesia.

Antara topik utama yang dibincangkan adalah penglibatan Thailand dan Indonesia dalam usaha penghasilan vaksin dan jaminan sekuriti

kesihatan serantau serta usaha kedua-dua negara tersebut dalam memastikan bekalan vaksin yang diperlukan adalah mencukupi dan selamat. Turut dibincangkan adalah perancangan di peringkat rantau ASEAN bagi inisiatif sekuriti kesihatan iaitu ASEAN *Vaccine Security and Self-Reliance* (AVSSR).

Forum ini telah dimudah cara oleh YBrs. Dr. Mohd Azlan bin Zaharudin, Pengarah Pejabat Pengurusan Projek Pembangunan Vaksin Malaysia (MVPO), dan melibatkan 50 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian, Jabatan, Agensi, serta wakil industri yang terlibat dalam ekosistem pembuatan, pembangunan, dan penyelidikan vaksin di Malaysia.

TAMAT

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
23 OGOS 2024**

FOTO : <https://rb.gy/fzskng>